

RM11 juta untuk Dun Batang Kali

Peruntukan diluluskan KPKT untuk baiki kerosakan kemudahan



Noh menyempurnakan perasmian gelanggang futsal dan pecah tanah bagi pembinaan astana di Taman Batu 30.

BATANG KALI - Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan berjumlah RM11 juta untuk baik pulih lapan taman perumahan di Dun Batang Kali.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan itu turut membabitkan kediaman rumah pangsa kos rendah bagi tujuan memperbaiki kerosakan beberapa kemudahan termasuk kebocoran atap dan kerja mengecat bangunan.

Menurutnya, kebanyakan rumah pangsa di negeri ini tidak diurus dengan baik dan tiada pembelaan dari kerajaan negeri apabila berlaku

sebarang kerosakan.

"Contohnya rumah pangsa Seri Kiambang di Serendah, rumah itu dulu dibina KPKT di atas tanah milik kementerian dengan kos RM12 juta. Selepas siap, kita serahkan kepada kerajaan negeri yang ketika itu BN.

"Selepas pembangkang mentadbir Selangor, kita teruskan amanah itu bagi menjaga rumah pangsa ini. Tetapi apa yang berlaku, mereka tak jaga dengan baik sebaliknya menaikkan harga sewa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Sumbangan Tabung Penyelenggaraan IMalaysia (TPIM) kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) sempena lawatan kerja ke Dun Batang Kali.

Noh berkata, permasalahan membabitkan kediaman rumah pangsa bukan sahaja berlaku di Hulu Selangor tetapi juga di Parlimen Gombak, kawasan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"KPKT meluluskan peruntukan RM15 juta di Gombak untuk selenggara dan baik pulih rumah pangsa. Bulan puasa tahun lepas, saya turun ke Gombak yang BN kalah 4-0 pada PRU13 lalu dan sekarang kawasan menteri besar.

"Tetapi keadaan rumah pangsa di sana lebih teruk dari Bukit Beruntung namun kita lulus juga RM15 juta. Sebab itu kita turun padang di setiap Dun dan bantuan kerajaan untuk rakyat tanpa memikirkan soal perbezaan politik," katanya.